

KENYATAAN MEDIA

29 MEI 2020

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

ST Mulakan Proses Bidaan Kompetitif Untuk Pembangunan LSS@MEnTARI

Putrajaya, 29 Mei – Sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan penggunaan tenaga boleh baharu (TBB) serta menjamin bekalan tenaga secara berterusan di negara ini, Suruhanjaya Tenaga (ST) sekali lagi akan mengadakan proses bidaan kompetitif untuk memilih syarikat/konsortium bagi pembangunan loji janakuasa solar PV berskala besar (LSS) di Semenanjung Malaysia. Dengan anggaran nilai sebanyak RM4 Billion untuk keseluruhan program, bidaan kompetitif yang dinamakan sebagai Program LSS@MEnTARI atau Program *Large Scale Solar By Malaysia Electricity Industry To Attract RE Investment* ini menyasarkan kapasiti berjumlah 1,000MW_{ac}, dengan pakej yang ditawarkan seperti berikut:

- **Pakej 1** dengan jumlah kuota yang ditawarkan sebanyak 500MW_{ac}. Bagi pakej ini, julat kapasiti yang ditawarkan ialah di antara 10MW_{ac} hingga kurang dari 30MW_{ac}; dan
- **Pakej 2** dengan jumlah kuota yang ditawarkan sebanyak 500MW_{ac}. Bagi pakej ini, julat kapasiti yang ditawarkan ialah di antara 30MW_{ac} hingga 50MW_{ac}.

Ini merupakan langkah Kerajaan untuk memulihkan dan merangsang ekonomi berikutan penularan wabak Covid-19 yang telah menjelaskan ekonomi negara. Ia juga bertujuan merancakkan pembangunan industri pembekalan elektrik negara khususnya industri TBB.

Untuk itu, ST ingin mempelawa syarikat/konsortium yang mempunyai pengalaman dalam melaksanakan projek-projek yang berkaitan dengan penjanaan tenaga, termasuk pembiayaan projek dan pengoperasian loji janakuasa atau pepasangan elektrik, untuk mengambil bahagian dalam proses pembidaan mengikut kriteria yang ditetapkan dalam dokumen *Request for Proposal (RFP)*.

Selaras dengan hasrat untuk memastikan pelaburan dalam bidang TBB memberi

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

manfaat kepada rakyat tempatan serta memberikan kesan limpahan serta-merta kepada ekonomi negara, Kerajaan telah menetapkan supaya penyertaan hanya dibuka kepada syarikat-syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 2016 [Akta 777]. Syarikat-syarikat tersebut hendaklah mempunyai 100% pegangan saham tempatan, kecuali bagi syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia yang hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 75% pegangan saham tempatan.

Dokumen RFP akan mula dijual dari 31 Mei 2020 sehingga jam 5.00 petang pada 12 Jun 2020 secara DALAM TALIAN SAHAJA sebagai langkah mengelakkan penularan wabak Covid-19, iaitu melalui laman sesawang ST (www.st.gov.my) kepada syarikat/konsortium yang berminat untuk menyertai proses bidaan ini dengan bayaran sebanyak RM2,000.00 bagi setiap dokumen. Tarikh tutup penyerahan RFP yang lengkap adalah sebelum jam 5.00 petang pada 2 September 2020. Penyerahan dokumen RFP secara fizikal yang lengkap hendaklah diterima oleh ST sebelum tarikh dan masa yang telah ditetapkan dan sebarang perubahan kepada kaedah penyerahan akan dimaklumkan melalui laman sesawang ST.

ST telah memulakan proses bidaan kompetitif untuk pembangunan LSS pada tahun 2016 di mana sehingga kini sebanyak 57 syarikat/konsortium telah terpilih bagi membangunkan loji-loji janakuasa berapasiti sekitar 1,384.21MW di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Azlinna Mohammad Jais/Zairulliati Mali/Muhammad Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03 8870 8598/019 3589255 (Azlinna)/ 013 2183778 (Zairulliati)/018 3822545 (Harith)

Emel: azlinamj@st.gov.my/zairulliati@st.gov.my/harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.